

# Kebijaksanaan diplomasi Anwar, ASEAN angkat negara dan serantau

● Pengkritik sering menuduh ASEAN lambat, reaktif dan terlalu terikat pada konsensus. Namun, konsensus bukan musuh tindakan apabila ia disokong niat strategik

● Nilai ASEAN pada ulang tahunnya tidak diukur dengan jumlah mesyuarat atau berapa panjang kenyataan bersama, tetapi sama ada ia dapat memastikan rumah tangganya sendiri teratur



Oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar dan Profesor Dr Phar Kim Beng  
bhrencana@bh.com.my

Penyandang Kursi Al-Ghazali dalam Epistemologi dan Pengajian Ketamaduan dan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Profesor Pengajian ASEAN, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta Pengarah, Institut Kajian Pengantarabangsaan dan ASEAN (IINTAS)

Tarikh 8 Ogos 1967 akan sentiasa dikenang sebagai tarikh lahir ASEAN. Ditubuhkan di Bangkok bagi mengelakkan blok lawan Perang Dingin menjadikan Asia Tenggara sebagai medan pertempuran proksi, ASEAN kini sudah matang menjadi blok 10 negara yang tidak lama lagi akan menjadi 11 dengan penyertaan Timor-Leste dan masih mampu mengejutkan dunia.

Minggu lalu adalah antara contoh kejutan berkenaan. Dari 4 hingga 7 Ogos 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan apa yang boleh dicapai dengan kebijaksanaan diplomasi yang tenang, namun berkesan.

Di bawah kepengerusiannya dalam ASEAN, Kemboja dan Thailand ber-setuju dengan gencatan senjata yang rapuh, tetapi kritikal di sepanjang sempadan dipertikaikan yang lebih 300,000 orang, iaitu 160,000 warga Kemboja dan 140,000 warga Thailand dipindahkan.

Kepentingannya bukan sekadar pada menghentikan pertempuran, tetapi pada cara ia diusahakan. Anwar tidak masuk ke bilik rundingan untuk memaksa terma.

Sebaliknya, Kementerian Pertahanan menyediakan kemudahan bagi Jawa-tanakuasa Sempadan Am (GBC) Kemboja dan Thailand membincangkan butiran operasi mereka sendiri.

Kedua-dua pihak bertelagah memiliki masalah dan penyelesaiannya sepenuhnya, selaras dengan prinsip penyelesaian konflik ASEAN yang menghormati kedaulatan sambil mewujudkan keadaan untuk kemajuan.

Perdamaian sementara ini disokong komitmen semua negara anggota ASEAN untuk menghantar 'atase' pertahanan mereka membentuk pasukan pemantau, bagi memastikan situasi terkawal sehingga mekanisme pengaman lebih formal dapat diwujudkan.

GBC akan bermesyuarat semula dalam pertemuan luar biasa dua minggu selepas 7 Ogos, diikuti mesyuarat peringkat menteri pada September.

Garis masa ini mengakui bahawa pelanggaran mungkin berlaku, tiada pertikaian sempadan sedalam dan sepanjang ini akan bebas daripada geseran, namun ia mengikat kedua-dua pihak kepada perjanjian umum yang ditandatangani pada 28 Julai di Kuala Lumpur.

Kejayaan ini lebih terserah memandangkan kepelbagaiannya ASEAN. Dalam keanggotaannya terdapat demokrasi, monarki berperlembagaan dan negara parti tunggal.

Namun, melalui kebijaksanaan Anwar dan pemimpin sehaluan, ASEAN menerapkan bentuk tekanan rakan setara yang tepat untuk kekal

cukup bersatu menjelang Sidang Kemuncak ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur pada Oktober 2025.

Bagi sebuah kumpulan sering digambarkan terlalu longgar dan berhati-hati, kesatuan ini adalah aset yang wajar diberi perhatian. Yang sama penting adalah bagaimana ASEAN berjaya mengekang kuasa besar pada tempatnya.

Amerika Syarikat (AS) dan China sebagai Rakan Strategik Komprehensif ASEAN hadir dalam proses gencatan senjata hanya sebagai perhati yang tertanam dalam struktur ASEAN. Mereka tidak menetapkan terma, menghantar pasukan atau menggunakan tekanan ekonomi.

Sebaliknya, mereka menyesuaikan diri dengan kaedah pengurusan konflik ala Asia Tenggara yang mengutamakan fasilitasi senyap berbanding campur tangan lantang dan bahkan melenturkan kuasa besar untuk menghormati ketenangan ini.

Inilah maksud sebenar 'kepusatan ASEAN' (ASEAN Centrality) dalam amalan. Ia bukan mengenai memaksa Washington dan Beijing bersetuju dalam segala hal, tetapi menetapkan peraturan keterlibatan supaya tindakan mereka di Asia Tenggara selaras dengan keutamaan kolektif rantau ini. Gencatan senjata Kemboja-Thailand kini berdiri sebagai contoh hidup prinsip terbabit.


## Isu pengurangan tarif AS

Sementara perbincangan sempadan menjadi tajuk utama, ASEAN turut bekerja senyap di medan lain - perdagangan.

Beberapa negara anggota sudah berjaya berunding pengurangan tarif dengan AS, menuarkan purata kepada 19 peratus. Lebih penting, semikonduktor dan litar bersepadu, iaitu teras ekonomi eksport rantau ini dikekualikan dari pada tarif AS.

Dalam era rantaian bekalan global dibentuk semula oleh persaingan strategik, pengecualian ini bukan catatan kaki teknikal, ia adalah perlindungan ekonomi.

Kombinasi ini amat bermakna. Pada satu pihak, ASEAN meredakan salah satu pertikaian wilayahnya paling lama, bermula sejak Per-



janjian Perancis-Siam 1907, enam dekad sebelum blok ini ditubuhkan.

Di pihak lain, ia mengemudi rundingan perdagangan berisiko tinggi untuk melindungi daya saing teknologinya. Ini menunjukkan ASEAN beroperasi serentak dalam bidang keselamatan dan ekonomi, tanpa membiarkan satu agenda menggugat yang lain.

Pengkritik sering menuduh ASEAN lambat, reaktif dan terlalu terikat pada konsensus. Namun, konsensus bukan musuh tindakan apabila ia disokong niat strategik.

Dalam kes ini, pendekatan konsensus ASEAN membolehkan Kemboja dan Thailand berikrar kepada perdamaian mereka sendiri, sementara rangka kerja pemantauan serantau memastikan ia tidak bergantung pada niat baik semata-mata.

Dengan mengekalkan AS dan China dalam mod pemerhati, ASEAN menegaskan keselamatan serantau tidak akan diserah kepada pihak luar. Dan dengan meraih konsesi tarif, blok ini mengukuhkan daya tahan ekonominya.

Ini bukanlah kejayaan sensasi yang biasanya diuar-uarkan oleh pakatan ketenteraan. Sebaliknya, ia adalah pencapaian beransur, tetapi berkekalan membolehkan ASEAN bertahan hampir enam dekad dalam gelora geopolitik.

Gencatan senjata Kemboja-Thailand akan diuji; pengecualian tarif boleh disemak semula jika politik domestik AS berubah. Namun, kemampuan untuk mendapatkan kedua-duanya dalam musim politik yang sama mencerminkan kelincihan diplomasi diidamkan banyak organisasi besar dan berpusat.

Menjelang sidang kemuncak Oktober 2025, pertaruhan jelas. Gencatan senjata mesti bertahan sekurang-kurangnya sehingga pemimpin serantau bertemu tanpa bayangan permusuhan semula antara dua negara anggota.

Manfaat tarif pula perlu dimantapkan menjadi naratif ketahanan yang boleh ASEAN bawa kepada rakan-rakannya pada Sidang Kemuncak Asia Timur yang AS, China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan lain-lain akan memerhati rapat.

Pada ulang tahun ke-58 ini, ASEAN tidak sempurna. Ia masih dalam proses pembinaan, dengan seni bina institusi berkembang dan kapasiti penguatkuasaan terhad. Namun, peristiwa 4 hingga 7 Ogos membuktikan ia masih mampu menghasilkan hasil bermakna, iaitu perdamaian, walaupun sementara, di zon sempadan tegang dan perlindungan ekonomi dalam era perang perdagangan dan larangan teknologi.

Nilai ASEAN pada ulang tahunnya tidak diukur dengan jumlah mesyuarat atau berapa panjang kenyataan bersama, tetapi sama ada ia dapat memastikan rumah tangganya sendiri teratur, menetapkan terma keterlibatan kuasa besar dan melindungi mata pencarian rakyatnya.

Dengan ukuran itu, gencatan senjata Thailand-Kemboja dan perjanjian tarif baru-baru ini bukan sekadar kemenangan ia adalah bukti bahawa diplomasi gaya ASEAN yang sabar dan konsisten masih mampu melenturkan kuasa besar mengikut kehendak rantau ini.